

Tutup



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian Official



sinarharianonline



Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Terengganu capai 80 peratus populasi dewasa lengkap vaksin awal Oktober

Terengganu capai 80 peratus populasi dewasa lengkap vaksin awal Oktober

|| 04 September 2021



Sebanyak 53 peratus populasi dewasa di Terengganu telah lengkap menerima suntikan vaksin manakala 85 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin. - Foto bernama

A⁻ A⁺

KUALA NERUS - Sebanyak 80 peratus populasi dewasa di Terengganu dijangka menerima dos lengkap vaksin Covid-19 pada hujung bulan ini atau awal Oktober depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, sasaran itu diyakini dapat dicapai melalui penghantaran lebih kurang 560,000 dos vaksin tambahan ke Terengganu secara berperingkat pada bulan ini.

"Untuk Ogos semua sekali sebanyak 590,000 dos bekalan vaksin telah diserahkan di Terengganu. Untuk September pula jangkauan kita dalam 560,000 dos. Kita ada jadual lengkap setiap minggu penghantaran vaksin (ke Terengganu).

"Ia menepati jadual sasaran kita untuk menyelesaikan (80 peratus populasi dewasa) hujung bulan ini. Kita hendak selesaikan sebelum musim tengkujuh akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan program Misi Bantuan Air bagi penduduk di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu yang kini terjejas dengan krisis bekalan air ekoran insiden paip pecah di dasar Sungai Terengganu, di Jambatan Angkat, di sini pada Sabtu.

Berdasarkan statistik dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV), setakat semalam, sebanyak 53 peratus populasi dewasa di Terengganu telah lengkap menerima suntikan vaksin manakala 85 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Ahmad Amzad mengakui terdapat kelewatan penghantaran vaksin ke negeri-negeri yang disifatkan tidak mempunyai kes Covid-19 terlalu tinggi termasuk Terengganu, ekoran kerajaan sebelum ini menumpukan proses vaksinasi ke lokasi yang mempunyai kes positif terlalu tinggi seperti di Lembah Klang.

[Baca Artikel Penuh](#)

Namun katanya, setelah lebih banyak pusat pemberian vaksin (PPV) di Lembah Klang ditutup berikutan sasaran vaksinasi kepada penduduk di situ sudah dicapai, kerajaan kini akan mengedarkan lebih banyak bekalan vaksin ke negeri-negeri lain

Paling Terkini: Jaguh paralimpik negara ✕

vaksinasi Covid-19 Terengganu

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang

Artikel Berkaitan



KHAS
50 peratus
penduduk dewasa
lengkap vaksin
menjelang 31 Ogos

by



KHAS
Lebih 14.8 juta
populasi dewasa
lengkap vaksin:
JKJAV

by



KHAS
Lebih 20 juta vaksin
Covid-19 diberi
menerusi PICK

by



BERITA
Penerima Sinovac
perlu dos ketiga

by NAZRIN ZULKAFLI



KHAS
Pfizer serah data
ujian awal dos ketiga
kepada FDA

by



KHAS
Lebih 48 peratus
populasi Malaysia
lengkap dua dos
vaksin

by

Best Place to Sell Cars Online

Carsome.my [Book Now](#)

TERKINI | POPULAR

1	Program Gerak Kerjaya Johor tawar 4,000 kekosongan jawatan
2	Rugi lebih RM65,000 ditipu hadiah nombor ramalan tidak wujud
3	PBB kecam rampasan kuasa di Guinea
4	Dua maut, kenderaan terputus dua selepas langgar pokok
5	Mangsa banjir Sabah kekal 75 orang pagi Isnin

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

Wangen penduduk Malaysia yang lahir di antara tahun 1941-81 boleh mendapat faedah ini pada tahun 2021

Survey Compare | Sponsored

Halalkan kesakitan di seluruh badan!

ERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

Faedah semula jadi untuk mengatasi masalah prostat

Itaprost | Sponsored